



PENGUMUMAN NAIK TARAF PORTAL MYCOID

Panduan Pengguna Semasa Peralihan Portal MyCoID Sedia Ada Kepada Portal MyCoID 2016.

Dimaklumkan Portal MyCoID sedia ada sedang dinaiktaraf kepada Portal MyCoID 2016. Portal MyCoID 2016 boleh dicapai bermula 31 Januari 2017 melalui akses <https://mycoid2016.ssm.com.my/>.

Berikut adalah panduan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengguna Portal MyCoID sedia ada:

- (1) Pengguna berdaftar di bawah kategori **COMPANY SECRETARY** boleh log masuk ke Portal MyCoID 2016 menggunakan emel dan kata laluan yang sama.
- (2) Pengguna berdaftar di bawah kategori **INDIVIDUAL** dan **COMPANY FIRM** boleh mendaftar semula sebagai pengguna di Portal MyCoID 2016 jika masih perlu menggunakan perkhidmatan portal ini dan perlu melakukan tatacara seperti di perkara (3) di bawah.
- (3) Pengguna yang baru mendaftar sebagai pengguna portal MyCoID 2016 perlu hadir ke pejabat SSM terdekat untuk proses pengesahan.
- (4) Portal MyCoID sedia ada akan ditutup secara berperingkat pada 25 Januari sehingga 27 Januari 2017 bermula jam 1 petang. Berikut adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang ditutup secara berperingkat:

| PERKHIDMATAN | MASA TERAKHIR PENERIMAAN MELALUI PORTAL MYCOID SEDIA ADA |
|---|--|
| PERMOHONAN NAMA SYARIKAT 25 Januari 2017 (Rabu) | <p>Masa terakhir penerimaan permohonan nama bermula jam 1 petang dan permohonan akan diproses selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang.</p> <p>Permohonan yang diterima hanya akan diluluskan atau ditolak sahaja.</p> <p>Bayaran permohonan nama syarikat yang ditolak tidak akan dikembalikan.</p> <p>Permohonan pemerbadanan syarikat yang ditolak boleh dibuat permohonan baru melalui portal MyCoID 2016 mengikut Akta Syarikat 2016 bermula 31 Januari 2017.</p> |
| PEMERBADANAN SYARIKAT TEMPATAN 26 Januari 2017 (Khamis) | <p>Masa terakhir penerimaan pemerbadanan syarikat bermula jam 1 petang dan permohonan akan diproses selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang.</p> <p>Permohonan yang diterima pada 26 Januari 2017 hanya akan diluluskan atau dikueri sahaja.</p> <p><i>Resubmission</i> tidak dibenarkan kepada transaksi pemerbadanan syarikat yang dikueri selepas jam 1 petang dan pemohon boleh membuat permohonan bayaran balik ke atas fi pemerbadanan syarikat tidak termasuk fi setem hasil.</p> <p>Permohonan pemerbadanan syarikat yang dikueri boleh dibuat permohonan baru melalui portal MyCoID 2016 mengikut Akta Syarikat 2016 bermula 31 Januari 2017.</p> |
| BORANG 24, 44 & 49 PERTAMA SELEPAS PEMERBADANAN 27 Januari 2017 (Jumaat) | Masa terakhir penerimaan borang 24, 44 & 49 pertama bermula jam 1 petang. |

(5) Sila pastikan transaksi yang diserah simpan adalah lengkap dan sempurna bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000 atau emel kepada enquiry@ssm.com.my.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

13 Januari 2017